

**UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**YB DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MAJLIS PERASMIAN  
JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG**

**1 Mac 2014**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia kepada semua.

*(salutasi)*

Dif-dif kehormat, penduduk-penduduk Pulau Pinang, para jemputan, wakil-wakil media dan seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Syukur Alhamdulillah, sesungguhnya hari ini adalah amat istimewa bagi seluruh rakyat Malaysia amnya dan penduduk Pulau Pinang khususnya kerana kita menyambut peristiwa yang bersejarah dan penting. Hari ini bakal terpahat dalam lipatan sejarah negara apabila kita semua akan menyaksikan sebentar lagi pembukaan rasmi, ikon terbaru negara iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang yang juga merupakan jambatan terpanjang di Malaysia dan di Asia Tenggara.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Kabinet kerana sudi turun bersama-sama dengan kita pada hari ini untuk menyaksikan satu lagi peristiwa bersejarah bagi negara kita. Setinggi – tinggi terima kasih kepada Tun Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi kerana sudi meluangkan masa untuk bersama kita pada Majlis ini.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd (JKSB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia kerana dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya. Kejayaan ini merupakan satu lagi bukti keberkesanan kerjasama awam swasta dalam pembangunan infrastruktur.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah bertujuan untuk membantu menyuraikan trafik yang amat sesak di Jambatan Pulau Pinang. Berdasarkan kajian trafik yang telah dilaksanakan, Jambatan Pulau Pinang tidak akan terus dapat menampung pertambahan trafik setiap tahun dan oleh itu, satu jambatan alternatif amat diperlukan bagi menampung pertambahan trafik tersebut. Jambatan Kedua Pulau Pinang dengan kos pembinaan sebanyak RM4.5bilion ini akan membolehkan perjalanan yang selesa di antara tanah besar dan pulau dan pada masa yang sama akan memberi impak positif kepada pembangunan sosio ekonomi rakyat terutamanya di selatan pulau dan tanah besar

5. Kerja-kerja pembinaan Jambatan Kedua Sdn. Bhd ini telah dimulakan pada November 2008 dan kini telah siap dalam tempoh 60 bulan. Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang ini dijangka akan membantu menyuraikan 25% kesesakan trafik di Jambatan Pulau Pinang sedia ada yang digunakan oleh hampir 100,000 kenderaan sehari. Jambatan ini juga akan memberi akses yang lebih mudah terutamanya kepada pengguna daripada arah selatan untuk ke kawasan Bayan Lepas.

6. Panjang keseluruhan JPP2 adalah 24km iaitu 17km merupakan jambatan di atas kawasan laut dan baki 7km merupakan lebuh raya di kawasan darat. Terdapat 3 persimpangan dibina iaitu Persimpangan Bertingkat Batu Maung, Persimpangan Bertingkat Cloverleaf Bandar Cassia dan Persimpangan Bertingkat Batu Kawan.

Saudara-saudari sekalian,

7. Jambatan Kedua Pulau Pinang telah dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan negara China. Kerjasama yang strategik ini membolehkan pemindahan teknologi yang telah memanfaatkan anak-anak tempatan. Saya percaya ramai anak muda kita telah mendapat pengalaman yang berharga hasil penglibatan mereka dalam pembinaan projek mega ini. Pengalaman ini pasti akan memanfaatkan mereka pada masa hadapan.

8. Perasmian Jambatan Kedua Pulau Pinang pada hari ini juga akan merancakkan sektor ekonomi di Pulau Pinang selaras dengan Tahun

Melawat Malaysia 2014. Ianya akan menjadi satu lagi ikon di Pulau Pinang dan juga sumber tarikan pelancong. Saya percaya pelancong akan tertarik dengan jambatan ini memandangkan pembinaannya turut menerapkan nilai-nilai estetika yang bakal mencuri tumpuan semua.

9. Sebelum saya mengundurkan diri, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga lebuhraya Malaysia dan pihak JKSB dalam menjayakan projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih